



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 02/11

**MENTERI PERTAHANAN SEMPURNAKAN MAJLIS PEMAKAIAN BERET PBB,
PENYERAHAN BENDERA MALAYSIA DAN PENGHANTARAN KUMPULAN
PERTAMA MALAYSIAN BATTALION 850-11 KE LUBNAN**

SUBANG, 2 November 2023 - Menteri Pertahanan, **Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan** telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Beret PBB, penyerahan bendera Malaysia dan penghantaran kumpulan pertama MALBATT 850-11 bertempat di Cabang Pergerakan Udara, Pangkalan Udara Subang.

MALBATT 850-11 telah menjalani latihan khusus selama 3 bulan yang merangkumi sebulan latihan perkhidmatan tunggal dan 2 bulan latihan integrasi atau *Force Integration Training* (FIT) di bawah kawal selia Markas Angkatan Bersama bertempat di MALBATT Village, Port Dickson, Negeri Sembilan. MALBATT 850-11 telah bersedia untuk diaturgerakkan ke Lubnan bagi menggantikan MALBATT 850-10 yang akan menamatkan misi *United Nations Interim Force In Lebanon* (UNIFIL) setelah berkhidmat 12 bulan.

MALBATT 850-11 yang berkekuatan seramai 854 anggota terdiri dari 82 pegawai dan 772 anggota lain-lain pangkat (LLP) termasuk 3 pegawai dan 27 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta seorang Pegawai Awam Kewangan dari Kementerian Pertahanan. MALBATT 850-11 diaturgerakkan ke Lubnan secara berperingkat melibatkan 4 peringkat penghantaran. MALBATT 850-11 ini juga melibatkan seramai 85 pegawai dan anggota wanita. Penghantaran Kumpulan Pertama melibatkan seramai 218 orang dan akan diketuai oleh Komander MALBATT 850-11, Kolonel Burhan bin Sagoni bersama 49 Pegawai dan 169 anggota lain-lain pangkat. MALBATT 850-11 akan meneruskan misi UNIFIL di bawah kawalan operasi Markas Sektor Barat UNIFIL. MALBATT 850-11 akan ditempatkan di 2 penempatan tetap iaitu Kem Ma'rakah serta Kem Tibnin dan akan melaksanakan tugas-tugas operasi yang diberikan oleh UNIFIL khususnya di kawasan tanggungjawab yang ditetapkan.

4. MALBATT 850-11 akan diaturgerakkan secara berperingkat dengan 4 kali penerbangan menggunakan pesawat Air Asia. Penghantaran Kumpulan Ke-2 MALBATT 850-11 akan dilaksanakan pada 7 November 2023 ini, Kumpulan Ke-3 pada 12 November 2023 dan penghantaran Kumpulan Ke-4 pada 16 November 2023. Manakala Kumpulan Pertama MALBATT 850-10 dijangka sampai ke Malaysia pada 3 November 2023.

5. Majlis pemakaian beret PBB diadakan secara simbolik dan dipakaikan kepada Komander MALBATT 850-11, wakil ketiga-tiga perkhidmatan (TD, TLDM, TUDM), wakil ABDB, wakil anggota wanita dan anggota lain-lain pangkat (LLP) ATM. Kerajaan Malaysia telah meluluskan penglibatan ATM dalam misi UNIFIL sejak tahun 2007 bagi membantu pasukan pengaman dari lain-lain negara anggota PBB menguatkuasakan Resolusi 1701 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Majlis penghantaran Kontijen MALBATT 850-11 turut dihadiri ahli keluarga pegawai dan anggota yang terlibat.

6. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman, Pemangku Pesuruhajaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Tuan Mohd Aizul Hakim bin Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Seri Isham bin Ishak, Panglima-Panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan ATM dan ABDB serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan.

- TAMAT -

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan

Dikeluarkan pada 2 November 2023